

30 AUG 2000

SAID-ULASAN/I

KOMITMEN ERATKAN KERJASAMA PERKONGSIAN PINTAR TERSERLAH DI SAID 2000

Oleh: Mohd Arshi Daud

KUALA LUMPUR, 30 Ogos (Bernama) -- Berbekalkan konsep perkongsian yang kini semakin diterima oleh negara-negara selatan Afrika, SAID 2000 yang diadakan di Maputo, Mozambique baru-baru ini menyaksikan komitmen untuk mengeratkan kerjasama dan menggalakkan pemahaman lebih rapat di kalangan anggota.

Kepentingan paling utama adalah gesaan pembentukan komunikasi-elektronik antara pusat kegiatan nasional, pusat kegiatan Perkongsian Komanwel bagi Pengurusan Teknologi (CPTM) dan rakan kongsi perniagaan yang akan memudahkan hubungan perniagaan dan pertukaran pengalaman dalam menjalankan perniagaan.

Seorang perwakilan menyifatkan perkara ini sebagai penting dalam mengukuhkan keyakinan di kalangan pelabur asing kerana sesetengah ahli perniagaan asing terjejas oleh ketidaksesuaian dengan perjanjian manakala sesetengah projek tergendala oleh kerenah birokrasi.

Dalam dialog SAID 2000 yang berlangsung selama tiga hari itu, presiden Mozambique Joaquim Alberto Chissano berkata maklumat mengenai rakan kongsi perniagaan pintar dan persekitaran di setiap negara anggota perkongsian pintar akan dimasukkan ke dalam sebuah bank data elektronik.

Kajian kes dalam menjalankan perniagaan di selatan Afrika juga akan dikumpulkan dengan contoh pertama adalah hasil pengalaman ahli perniagaan Malaysia, tambahnya.

CPTM adalah sebuah organisasi bukan mencari keuntungan yang memperkenalkan peluang dan kerjasama antara sektor awam dan swasta di ekonomi sedang muncul.

CPTM menganjurkan bersama Dialog Antarabangsa Selatan Afrika 2000 (SAID 2000) dengan Pasukan Petugas Kebangsaan Mozambique dan Kumpulan Industri-Kerajaan Malaysia bagi Teknologi Tinggi (MIGHT).

Peserta SAID 2000 merumuskan keadaan ketika ini amat malang kerana media Barat yang mengawal dunia digital cenderung untuk memesongkan berita daripada negara-negara membangun.

Untuk menangani keadaan laporan berat sebelah oleh media Barat, SAID 2000 juga memutuskan untuk membentuk satu sistem elektronik untuk mengakses berita secara langsung daripada sumber, berbanding mendapatkannya perkhidmatan berita asing, tambah Chissano.

Peserta-peserta SAID 2000, yang terdiri daripada ketua-ketua negara, ahli perniagaan, pegawai-pegawai kerajaan, media dan kesatuan perdagangan yang berhimpun di Maputo -- ibu kota Mozambique juga mempertimbangkan isu-isu lain.

Ia termasuklah kesan negatif globalisasi, cara-cara membasmi kemiskinan dan masalah-masalah kesihatan yang menyelubungi rantau ini iaitu HIV/AIDS serta malaria.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang mengetuai rombongan Malaysia ke SAID, berkata beliau memaklumkan isu-isu tersebut kepada ketua-ketua SAID yang membincangkan perkara-perkara mengenai perkongsian pintar.

Perdana Menteri menyedari satu perubahan dalam sikap di kalangan ketua-ketua negara kerana mereka kini kurang berbicara mengenai politik dan malahan lebih berminat dalam usaha-usaha perkongsian pintar bagi pembangunan ekonomi dan kebajikan yang lebih baik bagi rakyat mereka.

Dr Mahathir juga menyelar proses globalisasi dengan menyatakan janji-janji bagi "faedah yang baik" dan "satu tiket kepada kehidupan lebih baik bagi setiap orang" di negara membangun, gagal direalisasikan.

Dr Mahathir juga menyatakan kritikan terhadap proses globalisasi dikongsi bersama oleh ketua-ketua Selatan Afrika tetapi ramai yang masih tidak berani menyuarakannya.

Ini kerana mereka masih bergantung kepada pinjaman daripada Bank Dunia, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan menerima bantuan daripada negata-negara Barat, tambahannya.

Dr Mahathir adalah satu-satunya ketua Asia yang menyertai SAID 2000. Antara ketua lain yang menghadiri SAID 2000 adalah presiden Robert Mugabe dari Zimbabwe, presiden Dr Sam Nujoma dari Namibia, presiden Yoweri Museveni dari Uganda dan timbalan presiden Afrika Selatan, Jacob Zuma. --
BERNAMA

MAD KTC ZK OS